

Sidang DUN Negeri Sembilan ditangguhkan

SEREMBAN- Persidangan Pertama (Perasmian) Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan ke-14 sepatutnya berlangsung pada Isnin hingga Khamis ini ditangguhkan kerana Yang Dipertua DUN Negeri Sembilan dan Timbalannya disahkan positif Covid-19.



AMINUDDIN

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, tarikh baharu akan dimaklumkan setelah dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Ibn Almarhum Tuanku Munawir untuk mendapat perkenan baginda.

“Pada pagi Isnin saya bersama Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Datuk Dr Razali Ab Malik pada jam 8 pagi menghadap Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan memaklumkan perkembangan Speaker dan Timbalan Speaker didapati positif Covid-19.

“Perkara ini dimaklumkan kepada baginda. Tarikh baharu akan dimaklumkan dalam tempoh terdekat selepas mendapat perkenan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Kita cuba cadangkan tarikh pada Ramadan ini,” katanya dalam sidang akhbar khas di Wisma Negeri pada Isnin.

Dalam pada itu, Aminuddin menjelaskan Speaker DUN sementara boleh dilantik tetapi memandangkan suasana Covid-19, selain ramai petugas dewan dilaporkan turut positif, persidangan tersebut terpaksa ditangguhkan.

“Sedia maklum ada Rang Undang-Undang (RUU) akan dibentang. Jadi, perlu ada Speaker dan Timbalannya pada waktu itu (sidang DUN),” katanya.

Aminuddin berkata, Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan, Datuk Zulkefly Mohamad Omar disahkan positif pada tengah malam Ahad, manakala Timbalannya, Datuk M Ravi pada Sabtu lalu.